

SPRM rekod 292 kes selesai bicara di mahkamah

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merekodkan sejumlah 292 kes yang selesai dibicarakan di mahkamah di seluruh negara pada tahun lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, sebanyak 1,283 kes perbicaraan rasuah telah dikendalikan di mahkamah sesyen dan daripada jumlah kes yang selesai, 266 kes atau 91.1 peratus berakhir dengan sabitan.

Menurutnya, ia menunjukkan peratusan sabitan yang amat membanggakan.

"Di samping itu, sebanyak 152 kes perlucutan harta dikendalikan di mahkamah di mana sejumlah 121 kes permohonan selesai.

"Sejumlah 117 kes atau 96.7 peratus memihak kepada pendakwa raya dan empat kes atau 2.2 peratus tidak memihak kepada pendakwa raya," katanya.

Beliau berkata, dari segi pemulihan aset, jumlah aset dilucut hak dan dipulangkan kepada kerajaan Malaysia pada tahun lepas adalah RM5.1 bilion di mana 99.57 peratus daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Katanya lagi, bidang kuasa SPRM juga merangkumi kebertanggungjawaban untuk meneliti dan menyiasat sebarang aduan mahu pun jika dakwaan rasuah itu hanya membabitkan jumlah yang kecil.